

PENILAIAN BERASASKAN KOMPETENSI DI INSTITUT LATIHAN KEMAHIRAN, JOHOR BAHRU

Rahmah binti Md Yusof^a
Universiti Teknologi Malaysia Skudai

Zaipah binti Ismail
Universiti Teknologi Malaysia Skudai

Christina Andin @ Nur Qistina Abdullah^f
Universiti Teknologi Malaysia Skudai

Yahya bin Buntat^d
Universiti Teknologi Malaysia Skudai

Mohd Safarin bin Nordin^e
Universiti Teknologi Malaysia Skudai

p-chris@utm.my^c, p-yahya@utm.my^d, p-safarin@utm.my^e

ABSTRAK

Kajian ini adalah untuk mengenalpasti amalan penilaian yang digunakan untuk menilai kemajuan pencapaian pelajar. Kajian ini menurus kepada kaedah penilaian serta cara untuk membantu pelajar yang gagal mencapai objektif pembelajaran di salah sebuah institut latihan kemahiran di Johor Bahru. Kajian ini merupakan kajian kes yang menggunakan temubual separa berstruktur sebagai instrument kajian. Seramai dua orang tenaga pengajar bagi kursus Sijil Teknologi Industri 1 telah dipilih sebagai sampel kajian. Data daripada temubual telah ditranskripkan, dikodkan dan dianalisis dengan menggunakan pendekatan analisis tematik. Hasil kajian menunjukkan bahawa institut latihan ini menggunakan kaedah penilaian berasaskan '*work-based learning*' dan '*competency based approach*'. Penilaian merangkumi pengetahuan, hasil kerja, keselamatan dan akhlak. Institut latihan ini juga menggalakkan kaedah belajar sepanjang hayat iaitu pelajar boleh belajar tanpa mengira had umur. Ia juga menekankan perubahan sikap dan tingkah laku kepada lebih baik dan positif kearah penajaan budaya ilmu. Oleh itu, pihak institut mewajibkan pelajar yang gagal mengulang semula mata pelajaran tersebut sehingga berjaya, walaupun terpaksa menambah masa pengajiannya. Secara keseluruhannya kajian ini telah dapat memberikan input yang berguna mengenai kaedah pelaksanaan penilaian berasaskan kompetensi. Implikasi kajian terhadap peningkatan kemahiran perkerjaan juga dibincangkan.

Kata kunci : Penilaian, Kompetensi, Pembelajaran

ABSTRACT

This study was conducted to identify assessment practices used to measure the student's progress and achievement. The study focused on the methods of assessment and ways to help the students who did not achieve the learning objectives at the Training Skill Institute in Johor Bahru. This is a case study using semi-structured interviews as a research instrument. Two instructors from the Certificate of Industrial Technology 1 Course were selected as a sample of the study. The gathered data from the interview session have been transcribed, coded and analyzed using a thematic analysis approach. Results showed that this training institute assessments apply 'work-based learning' and 'competency based approach'. The assessments encompass the knowledge, workmanship, safety and morals. The training institute also promotes lifelong learning method where the students can learn regardless of the age limit. It also emphasizes the practice of a good manner and high positive attitudes towards a culture of knowledge generation. Therefore, the institute makes it compulsory for the students who fail the subjects to repeat it until they are successful, even though they have to extend their studies. Overall, this study can provide a useful input on how the implementation of competency-based assessment at the training institute. Implications on employment skills enhancement are also discussed.

Keywords: Assessment, competency, learning

1. PENGENALAN

Pendidikan merupakan pencetus kreativiti dan penjana inovasi yang melengkapkan generasi muda dengan kemahiran yang diperlukan untuk bersaing dalam pasaran kerja, dan menjadi pengupaya perkembangan ekonomi keseluruhannya. Malaysia semakin menyedari hakikat kepentingan memiliki pekerja mahir dan separa mahir untuk menguasai teknologi dan produktiviti bagi meningkatkan daya saing dan terus menarik pelaburan langsung asing. Langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan seperti menambah pengambilan pelajar, institusi latihan, membaiki dan penyelenggaraan institusi latihan sedia ada selari dengan pembangunan ekonomi berasaskan pengetahuan. Namun demikian institusi latihan kemahiran sedia ada perlu terus meningkatkan kecekapan dan keberkesannya. Bagi memastikan modal insan negara yang mempunyai kecekapan yang diperlukan dari segi pengetahuan dan kemahiran dalam meningkatkan pembangunan ekonomi berjaya dicapai, kualiti Pendidikan Teknik dan Vokasional di Malaysia perlu mempunyai teknik penilaian yang berkesan (PMD, 2010). TEVETA, 2004 telah menyatakan bahawa kecekapan adalah satu konsep yang luas yang merangkumi keupayaan untuk memindahkan kemahiran dan pengetahuan kepada situasi yang baru dalam suasana pekerjaan.

2. LATAR BELAKANG MASALAH

Malaysia merupakan negara membangun yang sedang menuju ke arah era perindustrian bagi mencapai matlamat wawasan 2020. Malaysia bakal mengalami satu perubahan besar iaitu revolusi perindustrian seperti yang telah berlaku di negara Eropah yang mengalami zaman tranfomasi pada tahun kurun ke 18. Tranfomasi tersebut berlaku akibat daripada permintaan produk yang meningkat. Dengan peningkatan permintaan hasil produk, maka kemahiran tenaga kerja manusia serta kepakaran yang dimiliki harus digiatkan untuk membangunkan serta memperkembangan perindustrian negara.

Masalah kekurangan tenaga pekerja berpegalaman merupakan salah satu isu global kerana graduan muda atau baru tidak mempunyai kemahiran yang tinggi seperti yang dikehendaki oleh industri (Bloom et. al., 2004). Ini menyebabkan graduan baru ini sukar mendapat pekerjaan kerana mereka terpaksa bersaing dengan pekerja lama yang lebih berpengalaman. Perkara yang membimbangkan adalah terdapat jurang perbezaan kemahiran di antara pekerja lama dan pekerja baru.

Graduan baru memerlukan masa untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran kerja sebenar kerana pembelajaran biasa hanya dari segi teori dan amali yang sedikit sedangkan suasana kerja sebenar tidak terdedah kepada pelajar (Campbell et.al., 2001). Mereka hanya terdedah kepada suasana pekerjaan sebenar selepas berada di alam pekerjaan dan menyebabkan kualiti kerja di kalangan graduan baru kurang memberangsangkan. Menurut Imel (1999), pendidik yang bijak akan melibatkan pelajar dengan pembelajaran dalam kelas yang menitikberatkan pengalaman 'kehidupan sebenar, kerja dan amali' dan menghubungkannya ke dunia luar. Dengan itu, Institusi Pendidikan yang ada di Malaysia, mempunyai peranan yang besar untuk mendedahkan pengalaman dan persediaan kepada pelajar supaya mereka keluar sebagai graduan yang kompeten dan boleh terus bekerja dengan baik.

3. PERNYATAAN MASALAH

Selain pencapaian akademik yang baik, graduan perlu memiliki kemahiran yang lain seperti kemahiran interpersonal dan intrapersonal (Tien et.al., 2003). Kemahiran interpersonal adalah terdiri daripada kemahira kerja berkumpulan (Noor Azizi et.al., 2001) dan kepimpinan (Dood et. al., 2002). Kemahiran intrapersonal pula adalah terdiri daripada motivasi, sikap, pembelajaran berterusan, penyelesaian masalah, rundingan dan kemahiran teknologi.

Kemahiran ini yang dinamakan kompetensi (Mayer, 1992) yang harus dikuasai oleh para graduan. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk membincangkan tentang teknik penilaian yang digunakan dalam menilai prestasi pelajar dan pelan tindakan yang diambil oleh pihak institut latihan terhadap pelajar yang gagal setelah keputusan penilaian dilakukan terhadap pelajar.


4. OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- (i) Mengenalpasti kaedah penilaian yang digunakan dalam menilai kemajuan pencapaian pelajar .
- (ii) Mengenalpasti strategi yang digunakan oleh pihak institut dalam menangani pelajar-pelajar yang lemah berdasarkan peratusan penilaian.

5. KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN

Rajah 1.1 menunjukkan kerangka konseptual bagi kajian ini. Tujuan kajian ini adalah untuk menggambarkan keseluruhan kajian . Berdasarkan teori Taksonomi Bloom, kemahiran dan objektif yang ingin dicapai oleh pelajar dibahagikan kepada tiga domain iaitu kognitif, afektif dan motor-psikomotor. Untuk mencapai objektif ini, kaedah penilaian pelajar dan strategi selepas penilaian untuk pelajar lemah dalam penilaian yang dilakukan oleh pensyarah Institut Kemahiran akan menyokong objektif ini.



Rajah 1.1 Kerangka Konseptual Kajian

6. SOROTAN KAJIAN

6.1 Penilaian

Penilaian yang sistematis adalah mengambil kira semua faktor yang boleh mempengaruhi maklumat atau dapatan yang diperolehi supaya dapat membantu pengajar dalam membuat sebarang keputusan yang tepat. Penilaian adalah suatu istilah yang boleh didefinisikan dengan banyak cara. Menurut Stufflebeam et.al. (1971), penilaian ialah proses untuk menggariskan sempadan, memperoleh dan menyediakan maklumat berguna untuk menilai keputusan alternatif. Menurut Sudjana Nana (1989) pula, penilaian adalah satu tindakan atau kegiatan untuk melihat sejauh mana tujuan-tujuan instruksional telah dapat dicapai atau dikuasai oleh pelajar dalam bentuk hasil-hasil pelajar yang diperlihatkannya setelah mereka menempuh pengalaman belajarnya. Penilaian adalah sangat penting dalam suatu program kerana ia merupakan satu elemen penting dalam membantu pengurusan menentukan keberkesanan dan kecekapan.

6.2 Penilaian Projek

Melalui penilaian projek ini, kita dapat mengukur proses meta-kognitif dan sikap pelajar. Selain itu, kita juga dapat memperoleh skor yang diberi berdasarkan kriteria spesifik serta dapat membantu pelajar mengesan bidang-bidang kelebihannya dan menggunakan kelebihan ini sebaik mungkin. Menurut Wiggins (1989), ciri-ciri Penilaian Projek ialah:

- Projek / tugas mempunyai pelbagai reka bentuk
- Berbentuk jangka panjang
- Menunjukkan peranan sebenar dalam situasi sebenar.
- Pelajar dibenarkan untuk membina penyelesaian alternatif. Tiada didapati satu jawapan yang benar.
- Pelajar dikehendaki melibatkan diri secara aktif seperti membuat atau menyediakan projek dan kumpulan kooperatif.
- Pelajar boleh menjalankan tugas secara individu atau berpasukan.
- Sintesis pengetahuan yang dikumpul dan menilai pembelajaran.
- Peluang menilai pelajar dalam kreativiti, kemahiran merancang, integrasi pengetahuan dan kebolehan membuat tugas bersama orang lain.
- Pelajar menunjukkan kebolehan mengkaji / membentuk sesuatu
- Pelajar melaksana dan menghasilkan sesuatu.
- Pelajar mengamalkan kemahiran berfikir dan menyelesaikan masalah.
- Aktiviti yang bermakna

6.3 Penilaian Pendidikan Berasaskan Kompetensi

Pendidikan Berasaskan Kompetensi atau Outcomes-base Education (OBE) telah menjadi popular di kalangan warga pendidikan tinggi pada hari ini. Menurut Popham (1995), penilaian pendidikan berasaskan kompetensi penting kerana ianya dapat mempamerkan kemahiran sebenar pada diri pelajar. Dengan pendidikan berasaskan kompetensi ini, pelajar dapat mengaplikasikan pengetahuan yang diperolehi di sekolah atau pusat pengajian kepada kehidupan seharian sebenar.

Kompetensi atau kemahiran asas, kemahiran generik, kemahiran utama, kemahiran boleh pindah dan kemahiran personal merujuk kepada kemahiran pengetahuan serta sikap yang menjadi asas kepada restasi kerja atau tugas yang dilakukan merentasi semua bidang (Rylatt dan Lohan, 1995). Menurut Boyatzis dan Kolb (1995), kompetensi adalah gabungan keupayaan, pengetahuan dan pengalaman yang membolehkan individu melakukan sesuatu dengan sempurna. Hackett (2001), menyatakan bahawa kompetensi adalah sebagai kognitif, boleh dipelajari dan merupakan satu atribusi tingkah laku.

Kompetensi dapat ditingkatkan dan dibentuk melalui program pembangunan dan latihan (Parry, 1998). Menurut Hackett (2001) yang menyatakan bahawa kompetensi mempunyai empat prinsip. Prinsip pertama, kompetensi berbentuk dalaman dan luaran mengikut keadaan dan personal. Kedua, kompetensi terhadap persepsi dan ciri individu. Ketiga, pencapaian kompetensi memerlukan kepelbagaian gaya pembelajaran dan prinsip keempat, kompetensi adalah satu bentuk motivasi. Dalam penulisan Hackett (2001) yang telah memetik konsep Schon (1983) yang mengaitkan fasa reflektif dan pembangunan kompetensi. Hanya memberi ruang kepada pelajar untuk menilai kemahiran sedia ada iaitu suatu yang kita tahu dan gunakan tetapi tidak menyedari bahawa ia menjadi suatu badan ilmu, terpendam, tidak jelas dan bersifat dalaman. Dalam fasa pemerhaian reflektif, pelajar tidak seharusnya terbeban dengan rasional teknikal dan aplikasi teori saintifik yang terlalu berat. Ini dapat memberi peluang kepada pelajar merujuk kepada fasa pengalaman konkrit yang dilalui, berbincang tentang pandangan serta pengalaman setiap ahli kumpulan serta manila pengalaman yang dilalui.

Dalam pelaksanaan penilaian pendidikan berasaskan kompetensi, guru atau pensyarah perlu melibatkan aktiviti yang dapat mengaplikasikan maklumat tersebut di dalam aktiviti kelas (Shavelson & Baxter 1992). Dengan ini, apabila pelajar telah didedahkan dengan situasi sebenar alam pekerjaan semasa di institusi pendidikan, mereka akan dapat mengaplikasikan pengetahuan yang ada itu ke alam pekerjaan mereka.

Menurut McCurry dan Bryce (1997; 2000), penilaian berasaskan kompetensi berlaku apabila pelajar dinilai oleh pensyarah dengan menggunakan kriteria pemarkahan apabila pelajar mempamerkan kemahiran dari aktiviti yang mereka lakukan di alam kelas. Dengan ini, kemahiran yang telah diajar di dalam kelas akan dinilai semula di akhir kelas atau kursus untuk menentukan tahap kecekapan dan kompetensi pelajar tersebut.

6.4 Ujian

Menurut Cronbach (1970), ujian adalah satu prosedur yang sistematik untuk memerhati perlakuan atau tingkah laku seseorang individu dan menghuraikan dengan bantuan skala bernombor, atau satu sistem yang berkategori.

Ujian adalah satu cara untuk mendapatkan contoh perlakuan yang diperlihatkan oleh murid di dalam keadaan yang dikawal atau ditentukan. Maklumat yang diperolehi daripadanya akan dijadikan dasar untuk membuat penilaian atau pengadilan (Raminah 1991).

Secara ringkas, ujian adalah satu prosedur yang sistematik bagi mengukur perubahan tingkah laku. Tujuannya adalah untuk menentukan pencapaian murid dalam sesuatu pembelajaran.

7. METODOLOGI

Kajian dijalankan dengan menggunakan strategi kajian jenis deskriptif berbentuk temu bual. Dalam kajian ini, populasi adalah terdiri daripada tenaga pengajar bagi salah satu kursus yang ditawarkan oleh Institut Latihan di Johor Bahru ini. Terdapat seramai 2 orang tenaga pengajar yang mengajar kursus tersebut. Kesemua tenaga pengajar tersebut telah dipilih sebagai sampel kajian.

Kajian ini menggunakan temubual separa berstruktur sebagai instrumen. Temubual awal tertumpu kepada latar belakang responden yang merangkumi maklumat pembolehubah bebas seperti jantina, pengalaman mengajar, kursus yang diajar dan kelulusan tertinggi yang dimiliki. Kemudian, temubual bertumpu pula kepada persoalan kajian iaitu apakah

kaedah penilaian yang digunakan dalam menilai kemajuan pelajar dan apakah pelan tindakanyang digunakan dalam menangani masalah pelajar yang gagal.

Dalam kajian ini, data-data yang diperolehi daripada temubual akan ditranskripsikan dan dikodkan. Data-data yang ditranskripsikan, dianalisis untuk menjawab kepada persoalan kajian. Ia merupakan proses mengelaskan data kepada bahagian maksud yang sama hasil daripada gabungan pemerhatian dan temu bual. Seterusnya proses penganalisisan data dilakukan dengan cara menganalisis data dari ayat ke ayat dan mengkodkan jawapan yang diperolehi berdasarkan persoalan kajian. Seterusnya proses diulang sehingga pengkaji dapat membentuk satu corak mengelaskan kod jawapan kepada maksud yang sama. Proses berlaku sehinggalah mencapai tahap data tepu.

8. DAPATAN KAJIAN

8.1 Latar Belakang Responden

Hasil kajian ini mendapati kedua-dua tenaga pengajar mempunyai pengalaman mengajar 10 tahun ke atas. Melalui pengalaman mengajar yang lebih lama akan membantu guru meningkatkan kualiti proses pengajaran dan pembelajaran. Guru-guru berpengalaman banyak bergantung kepada ingatan dan tafsiran terhadap pengalaman pengajaran terdahulu yang berkaitan (Gist & Mitchell, 1992).

8.2 Kaedah Penilaian Yang Digunakan Dalam Menilai Kemajuan Pelajar

Jadual 1: Hasil temu bual bagi menjawab persoalan kajian pertama

Kod Intrepetatif	R1
skema of work. Kaedah penilaian: course work: - Ujian Teori - 20%, - Tugas Teori - 20% - Projek Praktikal 1-20% - Projek Praktikal 2- 20% - Ujian Praktikal - 20%. - Sahsiah diri – markah bonus	R1, R2

Berdasarkan analisis dapatan kajian dapat dirumuskan bahawa kedua-dua responden menyatakan bahawa kaedah penilaian kursus Teknologi Industri 1 menggunakan pendekatan work-based learning dan competency based approach. Pelajar perlu mengambil kursus ini dalam jangka masa satu semester sebanyak 133 jam. Setiap pelajar perlu memenuhi lima penilaian yang disediakan dalam kursus ini. Hasil dapatan kajian penilaian dalam kursus ini terbahagi kepada lima bahagian iaitu Ujian teori 20%, Tugas Teori 20%, projek praktikal 1, 20%, projek Praktikal 2, 20% dan ujian praktikal 20%.

Melalui dapatan kajian ini, penilaian yang dilakukan dalam kursus ini merangkumi aspek proses kerja, hasil kerja, keselamatan dan akhlak. Keempat-empat aspek ini sangat penting untuk melahirkan pelajar yang mempunyai pengetahuan, kemahiran dan afektif yang berkualiti. Ini menepati objektif institut ini adalah untuk melahirkan graduan yang berpengetahuan serta berkemahiran teknikal yang cukup bagi melaksanakan tugas dan graduan yang mempunyai kemahiran asas komunikasi dan penyelesaian masalah.

8.3 Cara penilaian yang digunakan dalam menilai kemajuan pencapaian pelajar

Jadual 2: Hasil temu bual bagi menjawab perosalan kajian ke dua.

Responden	Kod Intrepetatif
R1	Soalan ujian teori mengikut JPU dan skema markah oleh Institut Kemahiran Tugasan Teori dalam bentuk soalan dan penyelesaian masalah Projek praktikal- soalan disediakan oleh tenaga pengajar tetapi pemarkahan mengikut formula Pusat Institut Penilaian kokurikulum Sahsiah dinilai dari segi penampilan, komunikasi, ketepatan masa, ciri-ciri kepimpinan.
R2	Soalan ujian teori mengikut JPU dan skema markah oleh istitut Kemahiran Tugasan Teori dalam bentuk soalan penyelesaian masalah. Praktikal- soalan disediakan oleh tenaga pengajar tetapi pemarkahan mengikut formula Pusat. Dinilai dari segi penampilan, komunikasi, penepatan masa, ciri-ciri kepimpinan. Penilaian kokurikulum

Dapatan kajian mendapati kedua-dua responden menyatakan bahawa soalan ujian teori mengikut JPU dan skema markah ditentukan oleh Institut Kemahiran. Tugasan teori adalah dalam bentuk solan penyelesaian masalah. Soalan praktikal pula disediakan oleh tenaga pengajar tetapi pemarkahan mengikut formula Pusat Kemahiran berkenaan. Penilaian terhadap penampilan, komunikasi dan ciri-ciri kepimpinan juga dibuat oleh tenaga pengajar termasuklah semasa penglibatan kokurikulum.

8.4 Dapatan Dokumen

i. Ujian Teori (20%)

Contoh soalan:

1. Keselamatan bengkel boleh dikelaskan kepada 3 iaitu.....

- I Keselamatan diri sendiri
- II Kekemasan tempat kerja
- III Pengurusan bengkel atau kilang
- IV Keselamatan semasa menggunakan peralatan atau mesin
- A I sahaja
- B II dan III sahaja
- C I, II dan IV sahaja
- D I, II, III dan IV

2. Sesiku L digunakan untuk menguji?

- I Menguji ketepatan sudut 90°.
- II Menguji kerataan benda kerja
- III Membuat garisan tegak dan selari
- IV Set alat atau benda kerja agar tegak.
- A I sahaja
- B II dan III sahaja
- C I, II dan III sahaja.
- D I, II, III dan IV.

Dalam ujian teori ini objektif yang perlu dicapai bagi setiap pelajar ialah mengetahui dan memahami peraturan keselamatan dalam bengkel atau kilang, mengenal pasti nama dan fungsi peralatan yang digunakan, mentafsir lukisan kejuruteraan dan simbol, dan cara penyelenggaraan peralatan secara teori. Satu set soalan mengandungi 35 soalan dengan masa satu jam.

ii. Projek Praktikal 1 (20%)

Contoh soalan:

Arahan: pelajar perlu:

1. Membaca lukisan kejuruteraan
2. Sediakan pelan proses
3. Menyediakan langkah-langkah kerja
4. Membuat pemeriksaan kualiti bahan kerja
5. Memasang bahagian kerja dengan betul

Selepas melengkapkan projek pencapaian kompetensi pelajar akan dapat mentafsir lukisan kejuruteraan, menyediakan pelan proses, persediaan operasi bahan kerja, melakukan pemeriksaan, kualiti di atas bahagian kerja memasang bahagian-bahagian kerja dengan betul, menggunakan dan menyenggara bahan dan peralatan kerja dan melaksanakan bangku kerja-pemasangan mengikut diberi lukisan. Skema markah diambil kira dari aspek penggunaan bahan tambahan, projek siap mengikut masa yang ditetapkan, projek siap mengikut drawing .

Hasil dapatan kajian bahagian pertama ialah soalan dalam ujian teori ini dibina berdasarkan JSU yang ditetapkan oleh pihak institut yang merangkumi pengetahuan dan kefahaman dalam bentuk teori yang diajar di kelas. Manakala tugas teori merangkumi soalan pengetahuan, kefahaman dan penyelesaian masalah. Tugas teori ini dapat melatih pelajar mengaplikasikan kefahaman kepada penyelesaian masalah dalam alam pekerjaan. Dengan ini dapat memantapkan lagi pengetahuan pelajar dalam bidang yang dipelajari. Apabila pengetahuan teori telah kukuh, pelajar diuji pula dengan projek praktikal 1, projek praktikal 2 dan akhir sekali ujian praktikal . Soalan untuk projek praktikal disediakan oleh tenaga pengajar sendiri tetapi pemarkahan mengikut formula yang ditentukan oleh pihak Pusat. Sahsiah diri juga dinilai dari aspek kriteria penampilan, komunikasi, menepati masa dan ciri-ciri kepimpinan.

Berdasarkan analisis dokumen yang telah dijalankan, didapati soalan ujian teori adalah bersesuaian untuk mengukur pencapaian objektif kursus Teknologi Industri 1. Masa yang diperuntukkan bersesuaian dengan tahap soalan yang diberi. Soalnya jelas dan mudah difahami, menggunakan struktur soalan yang teratur dan tersusun. Kaedah pemarkahan pula mengikut standard yang telah ditetapkan oleh pihak institut dan ianya efisien.

Bagi tugas teori, pelajar diberi soalan berbentuk soalan aplikasi dan penyelesaian masalah. Dengan ini pelajar dapat menggunakan pengalaman sedia ada untuk menyelesaikan masalah. Tahap kesukaran tugas adalah relevan dengan keupayaan pelajar. Tugas ini merangkumi tahap kognitif dalam taksonomi bloom. ingin. Kaedah penyelesaian masalah ini dapat membantu pelajar menggunakan kemahiran mengumpulkan maklumat dan dapat meningkatkan motivasi diri mereka sendiri dan memperolehipembelajaran secara mendalam dan berkesan (Sarimah, 2011).

Tahap tugas untuk projek praktikal adalah relevan dengan kemampuan pelajar. Penilaian mengikut tahap kognitif dalam taksonomi bloom berada di aras analisis, sintesis iaitu berada di aras tinggi. Kesesuaian masa yang diperuntukkan, membolehkan pelajar menyiapkan tugas dan dapat mencapai objektif kursus yang diinginkan. Markah diberi mengikut rubrik yang telah ditetapkan oleh pihak Pusat.

8.5 Cara penilaian yang digunakan dalam menilai kemajuan pencapaian pelajar

Jadual 3: Hasil temu bual yang dijalankan bagi menjawab persoalan kajian ke tiga.

Responden	Kod Intrepetatif
R1	- untuk pelajar yang gagal akan diberi bimbingan secara seorang, motivasi dan kaunseling
R2	-Pelajar gagal diberi bimbingan, kaunseling dan motivasi.

Berdasarkan analisis dapatan kajian dapat dirumuskan bahawa kursus Teknologi Industri 1 dalam institut latihan ini berusaha untuk memberi bimbingan, dorongan, peluang kepada pelajar yang lemah untuk memperbaiki kelemahan diri, mempertingkatkan daya usaha dan tidak mudah berputus asa. Usaha ini menunjukkan kursus ini menggalakkan konsep belajar sepanjang hayat. Secara tidak langsung institut ini dapat mengelakkan daripada masalah pelajar yang tercicir. Konsep ini memupuk kepada pembentukan budaya ilmu iaitu satu proses perubahan sikap dan tingkahlaku ke arah penjanaan budaya ilmu.

9.

PERBINCANGAN

Hasil kajian mendapati kedua-dua tenaga pengajar mempunyai pengalaman mengajar 10 tahun ke atas. Melalui pengalaman mengajar yang lebih lama akan membantu guru meningkatkan kualiti proses pengajaran dan pembelajaran. Guru-guru berpengalaman banyak bergantung kepada ingatan dan tafsiran terhadap pengalaman pengajaran terdahulu yang berkaitan (Gist & Mitchell, 1992).

Setiap pelajar perlu memenuhi lima penilaian yang disediakan dalam kursus ini. Hasil dapatan kajian penilaian dalam kursus ini terbahagi kepada lima bahagian iaitu Ujian teori 20%, Tugas Teori 20%, projek praktikal 1 20%, projek Praktikal 2 20% dan ujian praktikal 20%.

Penilaian yang dilakukan dalam kursus ini merangkumi aspek proses kerja, hasil kerja, keselamatan dan akhlak. Keempat-empat aspek ini sangat penting untuk melahirkan pelajar yang mempunyai pengetahuan, kemahiran dan afektif yang berkualiti. Ini menepati objektif Institut Kemahiran untuk melahirkan graduan yang berpengetahuan serta berkemahiran teknikal yang cukup bagi melaksanakan tugas dan graduan yang mempunyai kemahiran asas komunikasi dan penyelesaian masalah.

Institut Kemahiran mempunyai sistem penilaian yang menjaga kualiti terhadap penilaian yang dilakukan. Penilaian yang baik, sistematik dan berkualiti sangat penting untuk melahirkan graduan yang berkemahiran dan boleh memenuhi kehendak pasaran kerja masa kini.

Hasil dapatan kajian bahagian pertama ialah soalan dalam ujian teori ini dibina berdasarkan JSU yang ditetapkan oleh pihak Institut Kemahiran yang merangkumi pengetahuan dan kefahaman dalam bentuk teori yang diajar di kelas. Manakala tugas teori merangkumi soalan pengetahuan, kefahaman dan penyelesaian masalah. Tugas teori ini dapat melatih pelajar mengaplikasikan kefahaman kepada penyelesaian masalah dalam alam pekerjaan. Dengan ini dapat memantapkan lagi pengetahuan pelajar dalam bidang yang dipelajari. Apabila pengetahuan teori telah kukuh, pelajar diuji pula dengan projek praktikal 1, projek praktikal 2 dan akhir sekali ujian praktikal .

Sahsiah diri juga dinilai dari aspek kriteria penampilan, komunikasi, menepati masa dan ciri-ciri kepimpinan. Penilaian sahsiah diri sangat penting kerana visi Institut Kemahiran ialah

untuk melahirkan tenaga kerja yang berdaya saing, terlatih, beretika, berinovasi dan memiliki minda kelas pertama.

Tahap tugas untuk projek praktikal adalah relevan dengan kemampuan pelajar. Penilaian mengikut tahap kognitif dalam taksonomi bloom berada di aras analisis, sintesis iaitu berada di aras tinggi. Kesesuaian masa yang diperuntukkan, membolehkan pelajar menyiapkan tugas dan dapat mencapai objektif kursus yang diinginkan. Markah diberi mengikut rubrik yang telah ditetapkan oleh pihak Institut Kemahiran.

Penilaian kursus ini mengikut konsep penilaian oleh domain Taksonomi Bloom yang menitikberatkan aspek kognitif atau pengetahuan. Taksonomi ini bercorak hierarki iaitu dari tahap rendah kepada tahap tinggi. Terdapat enam elemen dalam domain kognitif Taksonomi Bloom ini. Elemen–elemen tersebut pula telah dibahagikan kepada dua aras pemikiran iaitu pemikiran aras rendah iaitu pengetahuan, kefahaman, aplikasi dan pemikiran aras tinggi iaitu analisis, sintesis dan penilaian (Aqilah, 2008).

Dapatan kajian dapat dirumuskan bahawa kursus Teknologi Industri 1 ini berusaha untuk memberi bimbingan, dorongan, peluang kepada pelajar yang lemah untuk memperbaiki kelemahan diri, mempertingkatkan daya usaha dan tidak mudah berputus asa. Usaha ini menunjukkan kursus ini menggalakkan konsep belajar sepanjang hayat. Secara tidak langsung Institut kemahiran dapat mengelakkan daripada masalah pelajar yang tercicir. Konsep ini memupuk kepada pembentukan budaya ilmu iaitu satu proses perubahan sikap dan tingkahlaku ke arah penajaan budaya ilmu.

Konsep sepanjang hayat merupakan satu usaha untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju dan berdaya saing bagi mencapai wawasan 2020. Keperluan latihan dan pendidikan berterusan adalah penting kerana tekanan perubahan ekonomi, kemajuan teknologi dan persekitaran global menyebabkan berlakunya perubahan persekitaran di tempat kerja. Pembelajaran sepanjang hayat menjadi semakin penting di Malaysia kerana tekanan daripada ledakan globalisasi, perubahan teknologi yang pantas dan pertumbuhan penduduk di Malaysia (Mohamed Rashid et al. (2005).

10. KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa penilaian berasaskan kompetensi telah dijalankan di institut latihan ini. Penilaian yang dilaksanakan dalam kursus Teknologi Industri 1 di institut ini adalah fleksibel, baik, mengutamakan kejayaan dan kecemerlangan pelajar yang menitikberatkan kepada kecekapan kemahiran supaya pelajar dapat memenuhi kehendak pasaran kerja dan meningkatkan taraf hidup serta menyumbang kepada kemajuan negara di bidang ekonomi.

RUJUKAN

- Abd Hair Awang, A. H. dan A. A. (2007). *Program latihan kemahiran: perbandingan kos, kebolehpasaran dan pendapatan pelatih*, 14(1), 189–212.
- Akhair Pardi, Shamsina Shamsuddin (2011). *Pengantar Penyelidikan Tindakan dalam Penyelidikan Pendidikan*. Puchong: Penerbitan Multimedia Sdn.Bhd
- Amberjeet (1993), *Dasar Grant dan Peruntukan Pembiayaan Serta Prestasi Pendidikan Sains, Matematik, Teknik dan Vokasional di Malaysia*. Ijazah Sarjana Muda, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Anon (2001). *The New Workforce: Knowledge Workers are the New Capitalis Economist*. 361:8-11
- Aqilah B. Huddin, W.M. Diyana W. Zaki, Aini Hussain Hafizah Husain, Nor Fadzilah Abdullah (2008). *Perlaksanaan Penggunaan Taksonomi Bloom Bagi Mengukur Kesesuaian Tahap Dan menjamin Keberkesanan Outcome Kursus*. Jabatan

- Kejuruteraan Elektrik, Elektronik dan Sistem, Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon, Abdul Rahim Hamdan (2010). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Batu Caves: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Boyatzis, R. E. & D. A. Kolb, (1995). From Learning styles to Learning Skills: The Executive Skills Profile. *Journal of Managerial Psychology*. 10(5): 3-17
- Cronbach, L. J. (1970). *Essentials of psychological testing* (3rd ed.). New York: Harper & Row
- Cohen, L. dan Manion, L. (1985). *Research Methods in Education*. London. Croom-Helm. Second Edition.
- Dood, N.G., F. W. Brown & H. Benham, (2002). Learning to Manage While Learning About Management: A Transition to a Competency-Based Management Curriculum. *Journal of Education for Business*. 77(4): 189-192
- Hackett (2001). Educating for Competency and Reflective Practice: Fostering Conjoint Approach in Education and Training. *Journal of Workplace Learning*. 13(3): 103-112
- Imel, S. (1999). How emancipatory is adult Learning? *Muths and Realities* No. 6. Columbus, OH: Clearinghouse on Adult Career, and Vocational Education.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2006). *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010*. Putrajaya: Bahagian Pendidikan Guru.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2013). *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2013-2025*. Putrajaya: Bahagian Pendidikan Guru.
- McCurry, D. & Bryce, J. 2000. Victorian Board of Studies: Key competencies levels assessment trial. Working paper 2. Victorian Curriculum and assessment authority. Melbourne
- Mohd Yusof Kassim & Ishak Yusof, 2002. *Industrialisasi dan Pembangunan Sumber Daya Manusia di Malaysia: Isu dan Haluan Masa Depan*.
- Mohamed Rashid Navi Bax dan Mohd Nasir Abu Hassan (2003). "Lifelong Learning in Malaysia". International policy seminar co-organised by IIEP, UNESCO and KRIVET.
- Mayer, E. (1992), *The Key Competencies*. Melbourne: The Australian Education Council and the Ministers for Vocational, Employment and Training
- Mohd Majid Konting (2005). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Noor Azizi Ismail, Faisal Ilham, Kamarul Baharin Abdul Manaf & Rosmawati Mamat, (2001). *The Importance of Non-technical Skills in Accounting Graduate*. Akauntan Nasional, April. Malaysian Institute of Accountant
- Prime Minister's Department (PMD), (2010). *The Ten Malaysia Plan, 2011-2015*. Putrajaya: Economic Planning Unit, Malaysia.
- Parry, S. B. (1998). Just What is a Competency? (and Why Should you Care?). *Training*. 35(6): 58-64
- Popham, W. J., (1995). *Classroom assessment: What teachers need to know*. Boston, MA: Allyn and Bacon
- Rylatt, A. & K. Lohan. (1995). *Creating Training Miracles*. Prentice-Hall: Sydney
- Sabitha Marican (2005). *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Petaling Jaya, Selangor: Prentice Hall Pearson Malaysia.
- Sarimah Ismail dan Abreza Atan, 2011. Aplikasi Pendekatan Penyelesaian Masalah Dalam pengajaran Mata Pelajaran Teknikal dan Vokasional di Fakulti Pendidikan UTM. *Journal of Educational Psychology and Counseling*, volume 2, Jun 2011, Pages 113-144/ISSN: 2231-735X
- Schon, D. A (1983). *The Reflective Practitioner*. New York: Basic Books
- Shavelson, R. & Baxter, G. (1992). What we've learned about assessing hands-on science. *Educational Leadership*. 49(8): 20-25
- Sudjana, N., (1989). *Penilaian Hasil Proses Belajar Mengajar*. Bandung: PT. Remaja Rosdakarya

Technical Education, Vocational and Entrepreneurship Training Authority

Tien, C., J. Ven, dan S. Chou., (2003). Using the problem-Based Learning to Enhance Students Key Competencies. *Then journal of American Academy of Business* Cambridge.

Watson A. 1990. *Competency-Based Vocational Education and Self-Paced Learning*. Monograph Series, Technology University: Sydney, Australia. ERIC: ED 324443

Wiggins, G. (1989). A true test: Toward more authentic and equitable assessment. *Phi Delta Kappan*, 79 (7), 703-713.

Yahya Emat. (1993). "Pendidikan Teknik dan Vokasional di Malaysia." Petaling Jaya: IBS